



**TARIDRA PENUH SIMBOLIK:** Taridra *Ranting Bayu* menggunakan kain batik sebagai pembatas untuk membezakan masa dan perasaan.

# 'Pentas Kemuning'

31 OCT 1989

**PERSATUAN Kemuning** Singapura, yang sejak beberapa tahun lalu hanya muncul sebagai kumpulan drama, telah mendedahkan bakat-bakat keseniannya yang lain sempena pementasan menyambut ulang tahunnya ke-14.

Menerusi *Pentas Kemuning* yang diadakan kelmarin malam di Panggung Victoria, kira-kira 100 anggota yang bergiat dalam bahagian tarian, silat, nyanyian dan deklamasi sajak telah tampil mengisi panggung itu dalam pertunjukan selama dua jam. Sementara itu, mereka yang telah banyak menerima pendedahan menerusi drama-drama Kemuning yang lalu, berkerja keras di belakang pentas.

Apa yang menarik mengenai pementasan tersebut, walaupun ia berkonsepkan anekaragam, ialah acara-acara yang dihidangkan begitu bermutu dan menonjol nilai artistiknya.

Tarian *Ulit Dian* dan taridra *Ranting Bayu* ciptaan Salleh Buang merupakan hidangan yang begitu tersendiri.

Taridra *Ranting Bayu*, yang mengisahkan nasib anak-anak ketika berlakunya pergolakan antara ayah dengan ibunya, dilahirkan penuh simbolik.

Dengan mengenakan pakaian kuning bersampingkan songket hitam, para penarinya menggunakan kain batik sebagai pembatas masa dan pemindahan jiwa. Mereka memperlihatkan keresahan menerusi hayunan tubuh dan tangan dan penjiwaan menyeluruh yang

## bermutu, menghibur

### Berjaya dedah bakat kesenian lain selain daripada drama

begitu menghidupkan.

Untuk menambah kesan tarian itu, dua penari cilik, Nursalizah Salleh, sembilan tahun, dan adiknya, Ahmad Shah Redza, tiga tahun, turut menari melambangkan anak yang terkapai ketika ibu bapanya bergelora. **TARIAN MUDA**

Melalui pementasan itu juga, Kemuning telah mendedahkan bakat generasi barunya dalam penyampaian puisi. Rafaat Hamzah telah berjaya mencuri hati penonton menerusi sajak tulisannya sendiri bertajuk *Satu Haribulan Satu Tahun 2000, Anak Melayu* yang secara sinis membayangkan kelahiran anak-anak masa depan hasil perhubungan kotor muda-mudi hari ini.

Turut mendeklamasikan sajak ialah Djamal Tuklmin yang juga menghasilkan sajaknya sendiri, *Ketika Aku Menjadi Seorang Seperti Aku*.

Pelakon/pelukis Khairul Anwar Salleh pula mendedahkan bakat 'pidatonya' apabila beliau membacakan cerpen empat halaman berjudul *Seekor Kerbau Hitam Dalam Mimpi Sang Pangeran Tom Tom* tulisan Djamal

Tuklmin. 31 OCT 1989

Secara solo, Khairul melakonkan pelbagai watak yang terdapat dalam cerpen itu yang ternyata begitu menghiburkan dalam cerita yang mengambil masa 12 minit.

Nursalizah Salleh, yang muncul sekali lagi di akhir persembahan dengan dua buah lagu — *Kawan* (lagu yang dipopularkan oleh Ruhil) dan *Langkah Muda Mudi* (nyanyian penyanyi Malaysia, Melor) — juga berjaya menawan penonton, bukan saja kerana suaranya yang nyaring lagi merdu, tetapi persembahan yang seperti penyanyi dewasa.

Kegembiraan penonton dengan nyanyiannya begitu nyata apabila di akhir persembahan, sebahagian penonton di Panggung Victoria memberikannya *standing ovation*. Turut menghiburkan malam itu ialah pelakon Zamberi Abdul Patah yang muncul sebagai penyanyi.

Turut menyerikan pementasan ialah persembahan seni silat oleh Sunda Pejajaran dan Seligi Tunggal.